

Selasa, 2 Februari 2016

1. Kerajaan diminta kaji semula skim perkhidmatan kastam

Memastikan beban, risiko penjawat awam selari skim perkhidmatan mereka

BUTTERWORTH 1 Feb. - Kerajaan diminta menambah baik skim perkhidmatan penjawat awam membabitkan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), khususnya membabitkan kumpulan pelaksana jabatan terbabit.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerj-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Azih Muda berkata, langkah itu perlu dalam memastikan beban dan risiko ditanggung penjawat awam terbabit selari dengan skim perkhidmatan mereka.

Katanya, cadangan supaya skim perkhidmatan jabatan itu ditambah baik telah dikemukakan Kesatuan Pegawai Kastam Semenanjung Malaysia (KPKSM), Kesatuan Sekerja Kastam Sabah dan Kesatuan Pegawai Kastam Sarawak kepada pihaknya sebelum ini.

"Kita amat berharap permintaan ini mendapat perhatian dan dipertimbang dengan serius," katanya selepas merasmikan Perhimpunan KPKSM di sini semalam.

Azih menambah, antara penambahbaikan skim perkhidmatan terhadap warga JKDM yang dicadangkan ialah menerusi penukaran klasifikasi gred sedia ada iaitu W untuk kewangan kepada gred KW iaitu penguat kuasa dan kewangan.

"Cadangan itu dilihat bersesuaian dengan bidang tugas mereka."

"Selain itu, kita juga mencadangkan gred sedia ada warga JKDM iaitu W17, W22 dan W26 dinaikkan kepada gred KW29 serta mewujudkan laluan kerjaya sehingga ke gred KW40," katanya.

Malah, bagi menjamin keselamatan warga JKDM, jelas beliau, pihaknya berharap kerajaan mempertimbangkan skim perlindungan insurans disediakan bagi semua anggota dan pegawai JKDM.

"Perlindungan insurans ini penting memandangkan beban tugas warga JKDM khususnya pegawai penguat kuasa yang sentiasa berdepan dengan pelbagai cabaran termasuk membabitkan keselamatan," katanya.

Rabu, 3 Februari 2016

2. Laporan audit 1MDB dibentang bulan ini

KUALA LUMPUR 2 Feb. - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) menegaskan, Jabatan Audit Negara tetap akan membentangkan laporan akhir pengauditan mereka terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB) pada bulan ini.

Pengerusinya, Datuk Hasan Arifin berkata, sehubungan itu, semua pihak diminta yakin dan percaya kepada jawatankuasa itu untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab, sekali gus menafikan laporan sebuah portal berita yang mendakwa jabatan berkenaan gagal berbuat demikian.

Beliau menjelaskan, laporan tidak berasas dan tidak bertanggungjawab itu jelas bertujuan mahu merosakkan reputasi dan kredibiliti PAC serta jabatan tersebut yang sentiasa komited dalam melakukan pengauditan secara telus dan akauntabiliti terhadap 1MDB demi kepentingan rakyat.

"PAC kesal dengan laporan tidak bertanggungjawab itu yang memetik sumber tidak bernama bahawa jabatan itu gagal menepati tarikh pembentangan laporan akhir pengauditan mereka terhadap 1MDB kepada jawatankuasa ini pada bulan ini.

"Jawatankuasa ini dianggotai ahli-ahli terdiri daripada pelbagai parti termasuk parti pembangkang, justeru tidak ada perkara yang harus dilindungi dan laporan PAC adalah berasaskan kepada maklumat yang tepat dan benar," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Dalam pada itu, Hasan berkata, pihaknya turut kesal dengan tindakan Peguam Negara Switzerland yang memilih untuk memberi maklumat kepada media berhubung isu 1MDB.

Katanya, pihak berkuasa negara berkenaan seharusnya berurusan terus dengan kerajaan Malaysia berbanding membuat kenyataan akhbar kerana tindakan tersebut boleh menimbulkan banyak spekulasi dan tidak berasaskan kepada fakta yang tepat.

Beliau mengulas berhubung kenyataan Peguam Negara Switzerland, Michael Lauber yang mengatakan dia telah menghubungi kerajaan bagi membantu siasatan berhubung kemungkinan berlaku pelanggaran undang-undang berkaitan dakwaan sogokan kepada pegawai asing, salah laku pejabat awam, pengubahan wang haram dan jenayah salah urus membabitkan 1MDB.



Rabu, 3 Februari 2016

3. Jabatan Audit Negara sahkan Tabung haji mampu bayar dividen

KUALA LUMPUR 3 Feb. - Jabatan Audit Negara mengesahkan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) mampu membuat pembayaran dividen kepada pendepositnya.

Jabatan itu dalam kenyataan berkata, perkara tersebut berdasarkan penyata pendapatan Tabung haji bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 dan maklumat interim yang diterima.

Penetapan kadar dividen itu, kata kenyataan berkenaan, adalah di bawah tanggungjawab Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji.

"Merujuk kepada laporan media mengenai keupayaan Tabung Haji untuk membayar dividen kepada pendepositnya dan mengaitkan dengan semakan yang sedang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara, adalah dimaklumkan bahawa semakan sebelum dividen diisyihar merupakan amalan biasa bagi memastikan polisi perakaunan yang diguna pakai adalah konsisten dan mematuhi konsep berhemat," kata kenyataan itu di sini hari ini. - Utusan Online



Rabu, 10 Februari 2016

4. PAC cadang bentang laporan akhir audit 1MDB di Parlimen MAC ini

KUALA LUMPUR 9 Feb. – Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) bercadang membentangkan laporan akhir pengauditan terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di Parlimen dalam sesi Dewan Rakyat bermula Mac hingga April ini.

Pengerusi PAC, Datuk Hasan Arifin berkata, pembentangan itu akan dibuat selepas pihaknya meneliti terlebih dahulu laporan yang akan dibentangkan Ketua Audit Negara kepada pihaknya pada 24 dan 25 Februari ini.

"Laporan Ketua Audit Negara ini sangat penting kerana ia merupakan sumber utama sebagai rujukan kepada PAC dalam membuat rumusan sebelum dibentangkan ke Parlimen nanti," katanya dalam satu kenyataan, di sini, hari ini.

Sementara itu, Hasan berkata, prosiding membabitkan bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi dan bekas Pengerusi 1MDB Tan Sri Mohd. Bakke Salleh pada 11 dan 12 Februari ini adalah yang terakhir di bawah tajuk Pengurusan Kawalan Urus Tadbir Syarikat 1MDB.

Ini memandangkan prosiding membabitkan syarikat pelaburan strategik kerajaan itu sudah berlarutan lama sejak Mei 2015 dan maklumat yang diterima melalui sembilan prosiding sebelum ini sudah mencukupi untuk PAC membuat rumusan yang objektif, telus dan adil, jelasnya.

Dalam pada itu, Hasan berkata, tiada keperluan memanggil Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz dan bekas CEO 1MDB Mohd Hazem Abdul Rahman untuk memberi keterangan berhubung 1MDB.

Hasan menjelaskan bahawa maklumat yang diberikan oleh Pengerusi 1MDB Tan Sri Lordin Wok Kamaruddin ketika prosiding pada 19 dan 20 Januari lepas sudah mencukupi, berdasarkan tanggungjawab dan pengetahuan Lordin yang mendalam mengenai operasi syarikat tersebut. - BERNAMA



Khamis, 11 Februari 2016

5. Prosiding PAC mengenai 1MDB selesai, tunggu laporan audit

KUALA LUMPUR 11 Feb. - Prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berhubung isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang berlarutan sejak Mei 2015 akhirnya diselesaikan hari ini.

PAC dalam satu kenyataan berkata, tiada keperluan untuk prosiding itu diadakan lagi selepas bekas Pengerusi 1MDB, Tan Sri Bakke Mohd. Salleh serta bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat itu, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi selesai memberi keterangan di Parlimen.

Menurut kenyataan itu, tindakan seterusnya adalah untuk mendengar Laporan Akhir Ketua Audit Negara Terhadap Pengauditan 1MDB pada 24 dan 25 Februari ini.

"Selepas pembentangan laporan akhir Ketua Audit Negara ini, jika sangat perlu dan ada kewajaran dalam membantu PAC bagi mendapatkan maklumat untuk membuat laporan PAC berhubung Pengurusan Urus Tadbir 1MDB ke Parlimen, barulah jawatankuasa ini mempertimbangkan untuk memanggil saksi.

"Keutamaan PAC ketika ini adalah untuk mendengar pembentangan Ketua Audit Negara mengenai pengauditan 1MDB serta menyiapkan laporan bagi dibentangkan ke Parlimen secara telus dan adil," katanya di sini hari ini.

Prosiding mendengar keterangan kedua-dua individu itu yang sebelum ini ditetapkan selama dua hari iaitu pada hari ini dan esok bagaimanapun berakhir sepenuhnya pukul 3.30 petang selepas berlangsung selama lima jam bermula pukul 10.30 pagi.

Prosiding dipengerusikan oleh Pengerusi PAC, Datuk Hassan Arifin dan dihadiri oleh 13 ahli jawatankuasa lain.

Dalam pada itu, PAC berkata, masyarakat perlu menyakini laporan yang akan dibuat pihaknya berhubung syarikat pelaburan strategik negara tersebut kerana jawatankuasa berkenaan terdiri daripada Ahli-Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) dan pembangkang.



Selasa, 16 Februari 2016

6. Sistem mata demerit ejen Kastam bermula April

PUTRAJAYA 16 Feb. - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan memperkenalkan Sistem Mata Demerit untuk 2,600 ejen jabatan tersebut mulai 1 April ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri Khazali Ahmad berkata, sistem tersebut bertujuan memberi mata merit terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan golongan berkenaan.

Katanya, ejen-ejen JKDM yang melakukan kesalahan tertentu dan mencapai mata demerit yang ditetapkan, boleh digantung atau dibatalkan lesen mereka.

"Ini membolehkan prestasi ejen dinilai secara lebih sistematik dan memudahkan JKDM menentukan tahap pematuhan ejen terhadap dasar dan perundangan yang telah ditetapkan," katanya selepas majlis perasmian Seminar Dasar Pemantauan Baru Ejen Kastam 2016 di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE



Selasa, 16 Februari 2016

7. LHDN sasar kutipan cukai lebih RM1 bilion tahun ini

PETALING JAYA, 16 Feb. - Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) menyasarkan untuk meraih kutipan cukai lebih RM1 bilion tahun ini berikutan pengurangan penalti terhadap pembayar cukai seperti mana diumumkan dalam pengubahsuaian Bajet 2016.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Dr Mohd Shukor Mahfar berkata, kutipan cukai bagi tahun lepas mencecah hampir RM1 bilion.

"Kita turut memberi kelonggaran sama pada tahun lepas dan berusaha dalam skala kecil. Namun, bagi tahun ini, kita akan melipatgandakan usaha untuk mencapai sasaran yang ditetapkan itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan seminar separuh hari bertajuk 'Setahun Bagi Cukai Akhir : Isu dan Cabaran' anjuran bersama LHDN dan Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), di sini hari ini.

LHDN baru-baru ini mengumumkan pengurangan penalty terhadap pembayar cukai yang membuat pengakuan secara sukarela bagi tempoh antara 1 Mac hingga 15 Disember 2016.

Pengurangan itu bagi pembayar cukai yang masih belum mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) atau Borang Nyata Petroleum (BNP) bagi tahun ke belakang serta mereka yang mahu melaporkan maklumat tepat dalam borang yang dihantar sebelum ini.

Ia susulan pengumuman oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengenai pengubahsuaian Bajet 2016 pada 28 Januari lepas mengenai kelonggaran penalty ke atas pembayar cukai bagi menggalakkan mereka tampil secara sukarela melaporkan pendapatan bagi tahun-tahun sebelum ini.

Selain itu, Mohd Shukor berkata, pihaknya akan turut membantu pembayar cukai yang terjejas akibat cabaran ekonomi semasa.

Namun, tegasnya, mereka masih perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan LHDN.

Mengulas laporan bahawa kelompok pengelak cukai yang tinggi merangkumi profesional seperti peguam, doktor dan artis, beliau berkata, mereka sememangnya menjadi sasaran agensi itu pada tahun ini.

"Setiap profesional adalah dalam pemantauan kita. Mereka ini dikenali ramai dan sebagai golongan profesional, mereka perlu berperanan sebagai pembayar cukai yang baik," katanya. - BERNAMA



Isnin, 22 Februari 2016

8. Aset KWSP RM684.53b

Raih pulangan tertinggi pelaburan RM44.23b pada 2015

KUALA LUMPUR 22 Feb. - Strategi pelaburan jangka panjang dalam pelbagai sektor ekonomi di pasaran global membolehkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menempuh cabaran ekonomi sepanjang 2015 dengan cemerlang apabila berjaya mencatatkan pulangan pelaburan kasar sebanyak RM44.23 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Shahril Ridza Ridzuan berkata, jumlah tersebut adalah pulangan tertinggi dicatatkan KWSP sejak penubuhannya dan menunjukkan peningkatan sebanyak 13.2 peratus atau RM5.16 bilion berbanding tahun kewangan berakhir 2014 sebanyak RM39.08 bilion.

Menurut beliau, prestasi memberangsangkan itu turut menyumbang kepada peningkatan pelaburan aset dana persaraan itu kepada RM684.53 bilion pada 2015 iaitu pertambahan sebanyak RM47.99 bilion berbanding 2014.

"Tahun 2015 menunjukkan bahawa tabung kewangan besar seperti KWSP perlu mempunyai portfolio pelaburan yang pelbagai untuk memastikan apabila pasaran tempatan terjejas seperti yang berlaku di Malaysia tahun lalu, kami mampu bergantung kepada aset global untuk menjana pendapatan yang diperlukan."

"Amat bahaya untuk KWSP melaburkan semua dana di dalam satu pasaran sahaja. Pasti ada masanya pasaran global juga merudum, tetapi harapan kita adalah portfolio lain akan dapat menampung kerugian di tempat lain," katanya kepada pemberita dalam sesi penerangan media di Ibu Pejabat KWSP di sini hari ini.

Sabtu lalu, KWSP mengumumkan kadar dividen sebanyak 6.4 peratus bagi 2015 dengan jumlah pembayaran sebanyak RM38.24 bilion iaitu yang tertinggi pernah dibayar.

Menurut Shahril, KWSP memanfaatkan sepenuhnya suku pertama 2015 untuk menjana keuntungan dalam pasaran saham dan pelaburan aset ketika situasi pasaran turun naik masih belum terjejas teruk untuk memastikan kesan daripada kejatuhan harga komoditi pada penghujung tahun lalu tidak terlalu memberi kesan.

"Kami telah menetapkan lebih awal untuk mengaut untung sebanyak mungkin sejak permulaan 2015 dan akhirnya menjadi strategi yang paling berjaya untuk 2015," kata beliau.

Jelasnya, dalam sektor pelaburan, sepanjang 2015 sebanyak 51 peratus daripada jumlah yang dilaburkan adalah untuk aset jangka panjang yang memberikan pulangan tetap iaitu 44 peratus dalam pasaran saham manakala selebihnya untuk sektor hartanah dan infrastruktur serta tunai yang terdedah kepada inflasi.

"Asia masih menjadi kawasan pelaburan utama KWSP iaitu 43.4 peratus diikuti Amerika Utara sebanyak 25 peratus, benua Eropah sebanyak 22.9 peratus, Australia 5.2 peratus manakala 3.6 peratus di tempat-tempat lain," katanya.

Sementara itu, Shahril mengakui 2016 akan menjadi tahun yang paling mencabar kepada KWSP dalam menguruskan dana persaraan rakyat Malaysia, namun beliau percaya pelbagai strategi pelaburan yang telah dirancang seperti jual beli aset akan membolehkan mereka terus mencapai prestasi yang baik.

Dalam pada itu, menurut beliau, langkah kerajaan mengurangkan potongan kadar caruman KWSP pekerja sebanyak tiga peratus mulai Mac ini hingga Disember 2017 tidak akan menjaskan aset di bawah pengurusan (AUM) yang ada setakat ini.